# DATO' UNGKU KLANG

Dato' Pinang Tunggal merupakan Pembesar Jajahan Klang pertama sekitar pertengahan abad ke-16. Keturunan Dato' Pinang Tunggal menyandang jawatan Dato' Ungku Klang memberikan taat setia kepada Sultan Salehuddin ibni Daeng Chelak, Sultan Selangor pertama (1766-1782), pada 1 Disember 1766.

*Dato' Pinang Tunggal was the first Klang head of state in the mid-16th century. His descendants held the Dato' Ungku Klang position until they submitted and swore loyalty and allegiance to Sultan Salehuddin ibni Daeng Chelak, the first Sultan of Selangor (1766-1782), on December 1, 1766.*



# Keris Pendek

## Short kris

Keris Pendek Semenanjung ini berhulu Jawa Demam dan bersampir tebar layar. Secara umumnya keris ini merupakan keris yang digunakan secara meluas di Semenanjung Tanah Melayu serta kepulauan yang berhampiran seperti kepulauan Riau, Pattani dan Brunei. Mata keris ini tidak terlalu tebal. Matanya ada yang dibuat berbentuk lok dan ada yang berbentuk lurus. Keris tersebut dikatakan pernah digunakan oleh Dato' Ungku Klang

*The Keris Pendek Semenanjung features a Javanese Demam hilt and a tebar layar sampir. It is a keris commonly used in the Malay Peninsula and nearby islands like the Riau Islands, Pattani and Brunei. The keris blade is moderately thick, with some blades having a lok shape and others being straight. It is said that Dato' Ungku Klang once used this keris.*



# Pedang Melayu Dato' Ungku Klang

## The Pedang Melayu (Malay Sword) of Dato' Ungku Klang



Senjata tajam dua bilah ini disandang oleh dua orang juak-juak atau biduanda (hamba raja yang mengiringi raja atau membawa alat kebesaran) di sebelah kiri dan kanan Dato' Ungku Klang. Secara fizikalnya, senjata ini merupakan salah satu jenis pedang Melayu yang berpaten Barat iaitu French Sergeant Sword tahun 1830.

The sharp double-edged sword was known to be carried by two servants or "biduanda" (royal servants accompanying the king or carrying the state regalia), each on the left and right-hand sides of Dato' Ungku Klang. It is one of the Malay swords inspired by the West, particularly the 1830s French Sergeant Sword.

# Replika
# Merak Emas
## Replica of Golden Peacock



Merak Mas merupakan lambang kerajaan atau kebesaran yang diperbuat daripada emas berupa burung merak yang sedang mengembangkan sayapnya sebagai simbol melindungi rakyat. Dikatakan Merak Mas ini pernah digunakan oleh Dato' Ungku Klang di mana ianya akan digantungkan di atas persemayaman semasa rakyat datang mengadap.

The Merak Emas is a symbol of royalty or grandeur made of gold, depicting a peacock spreading its wings as a symbol of protection for the people. It is said to have been used by Dato' Ungku Klang, who would hang it above the audience chamber during audiences with the people.

# Replika Cop Mohor Dato' Ungku Klang



The Replica of Dato' Ungku Klang's Seal of Office

www.padat.gov.my

# Keris Panjang

## Long kris



Ia merupakan keris panjang variasi alang. Keris ini mempunyai mata yang panjang berbentuk lurus dan matanya tidak terlalu tebal. Hulunya variasi tapak kuda. Sampirnya berbentuk bulan sabit manakala sarungnya panjang dan berbentuk bulat. Keseluruhan sarungnya diperbuat daripada kayu kemuning. Keris ini dipercayai pernah digunakan oleh Dato' Engku Klang sekitar tahun 1700 M.

This is a long variant of keris with an alang-styled blade. It features a long, straight blade that is not overly thick. The hilt is of a horse hoof variation. The sampir is crescent-shaped, while the sheath is long and round. The entire sheath is made of kemuning wood. It is believed that the keris was used by Dato's Engku Klang circa 1700s.